

PERATURAN SUKAN BOLA JARING JABATAN LAUT MALAYSIA KALI KE-11 2026

1. PERATURAN TEKNIKAL

- 1.1 Pertandingan ini di jalankan mengikut Undang-Undang Permainan Bola Jaring Dunia (World Netball) TERKINI dan Peraturan Kejohanan;
- 1.2 Sekiranya terdapat percanggahan di antara terjemahan Undang-Undang Permainan dan Undang-Undang Permainan Bola Jaring "World Netball" maka adalah diputuskan bahawa Undang-Undang Permainan Bola Jaring "WorldNetball" akan dipatuhi;
- 1.3 Sekiranya timbul perkara-perkara yang tidak dikuasai oleh Kedua-dua Undang-Undang, maka keputusan akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Penganjur;
- 1.4 Jawatankuasa Penganjur berhak mengambil tindakan sewajarnya sekiranya mendapati mana-mana pasukan yang tidak menunjukkan semangat kesukanan sepanjang kejohanan, menipu maklumat pemain dan pasukan serta menggunakan strategi yang tidak sihat untuk mendapatkan kemenangan;
- 1.5 Jawatankuasa Penganjur berhak meminda dan menambah mana-mana peraturan jika difikirkan perlu.

2. SYARAT PENYERTAAN

- 2.1 Setiap pasukan hanya dibenarkan mendaftar satu (1) pasukan yang mengandungi enam (6) orang yang terdiri daripada:
 - a) Pengurus Pasukan satu (1) orang;
 - b) Pemain enam (6) orang [3 Pemain 3 Simpanan];
- 2.2 Hanya nama pemain yang didaftarkan dalam senarai pemain sahaja yang dibenarkan bermain. Pengurus pasukan tidak dibenarkan bermain;
- 2.3 Pertukaran pemain hanya boleh dilakukan sebelum perlawanan pertama setiap pasukan dengan menyertakan salinan dokumen (merujuk kepada Peraturan AM sukan) dan selepas perlawanan pertama setiap pasukan tiada sebarang pertukan dibenarkan.

3. PAKAIAN / PERALATAN

- 3.1 Setiap pasukan perlu memakai "bib" yang seragam;
- 3.2 Setiap pasukan dikehendaki membawa dua set "bib" yang berbeza warna;
- 3.3 Setiap pemain tidak dibenarkan memakai barang perhiasan dan mesti berkuku pendek;
- 3.4 Setiap pemain diwajibkan memakai kasut sepanjang permainan dan tidak dibenarkan memakai kasut yang mempunyai tapak berpaku;
- 3.5 Pemain hendaklah memakai seluar panjang dan sesuai;
- 3.6 Seluar pendek atau tiga suku adalah tidak dibenarkan;
- 3.7 Bola Jaring yang digunakan adalah (*Standard Tournament*) akan disediakan oleh pihak penganjur.

4. FORMAT PERTANDINGAN

- 4.1 Secara liga;
- 4.2 Tempoh perlawanan (7 minit pertama – 1 minit Rehat – 7 minit kedua);
- 4.3 Pasukan akan dibahagikan kepada 2 kumpulan secara undian;
- 4.4 Sistem pemberian mata adalah seperti berikut;
 - a) Menang - 3 mata
 - b) Seri - 1 mata
 - c) Kalah - 0 mata
- 4.5 Jika terdapat dua (2) pasukan yang mengutip jumlah mata yang sama selepas semua perlawanan, kedudukan pasukan akan ditentukan secara kaedah tersebut:
 - a) Purata gol tertinggi (jumlah jaringan gol/jumlah gol yang kena);
 - b) Perbezaan jaringan gol (jumlah jaringan ditolak dengan jumlah gol yang kena);
 - c) Jumlah jaringan yang tertinggi;
 - d) Jika keputusan masih seri penentuan adalah secara *head to head* di antara dua pasukan.
- 4.6 Dua (2) pasukan daripada setiap kumpulan akan masuk pusingan kalah mati dan perlawanan secara bersilang akan dijalankan, pasukan yang menang akan bertanding untuk merebut pingat emas dan perak. Bagi pasukan yang kalah untuk merebut pingat gangsa;
- 4.7 Masa menunggu yang diberikan adalah 5 minit. Pasukan yang tidak menghadirkan diri selepas 5 minit menunggu akan dikira *walk over*. Kemenangan percuma kepada pihak lawan diberikan tiga (3) mata dengan dua (2) jaringan gol.

5. PERTUKARAN PEMAIN SEMASA PERLAWANAN

- 5.1 Setiap pasukan boleh membuat penggantian / pertukaran posisi semasa rehat atau permainan diberhentikan atas sebab kecederaan, sakit atau faktor perubatan lain.
- 5.2 Pertukaran pemain semasa perlawanan berlangsung hanya dibenarkan satu (1) kali sahaja bagi setiap separuh masa perlawanan.

6. MENARIK DIRI

- 6.1 Jika sesuatu pasukan menarik diri daripada satu perlawanan, maka pasukan itu tidak dibenarkan meneruskan pertandingan kejohanan ini.
- 6.2 Sekiranya terdapat peserta yang melanggar peraturan di atas, penganjur berhak membatalkan penyertaan mereka dalam kejohanan ini.

7. LARANGAN

- 7.1 Pemain dilarang mengambil minuman keras sepanjang pertandingan ini berlangsung;
- 7.2 Pihak penganjur berhak menggantung dan tidak membenarkan regu/pemain tersebut dari meneruskan permainan sekiranya regu/pemain didapati melanggar peraturan menyebabkan acara pertandingan ini terganggu disebabkan oleh kekecohan, pergaduhan atau apa-apa perbuatan yang difikirkan salah dan mendatangkan sebarang kecederaan kepada pihak lawan atau sesiapa sahaja semasa pertandingan.

8. PERKARA-PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

- 8.1 Sekiranya terdapat perkara yang tidak dinyatakan dalam Peraturan Am, maka Peraturan Sukan berkenaan akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Penganjur. Keputusannya adalah muktamad.